

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[JERANTUT]**

**TARIKH JAWAPAN : 26 OKTOBER 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

Tuan Haji Ahmad Nazlan Bin Idris minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan berhasrat untuk menyemak semula kaedah pembayaran had minima bil elektrik percuma.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Buat masa ini, Kerajaan belum berhasrat untuk menyemak semula kaedah pembayaran dan had minima bil elektrik percuma atau Program Rebat Bil Elektrik RM20.00 yang telah dilaksanakan sejak tahun 2008. Program tersebut melibatkan perbelanjaan Kerajaan sebanyak RM150 juta setahun yang melibatkan 1.1 juta pengguna domestik di seluruh negara. Sehingga kini, jumlah perbelanjaan bagi program tersebut adalah sebanyak RM901 juta bagi tempoh Oktober 2008 hingga Disember 2014 dan melibatkan seramai 81.7 juta akaun pengguna domestik/kediaman.

Sekian, terima kasih

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR  
[ TUMPAT ]**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2015 (ISNIN)**

**SOALAN : 28**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [ Tumpat ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah perkembangan terkini usaha mencari pesawat MH370.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, semasa Mesyuarat *Tripartite* Peringkat Menteri dan Pegawai Kanan yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 15 dan 16 April 2015, pihak Australia, Malaysia dan Republik Rakyat China (RRC) telah bersetuju supaya kawasan pencarian sedia ada diperluas kepada  $60,000 \text{ km}^2$  lagi menjadikan jumlah keseluruhan kawasan pencarian adalah seluas  $120,000 \text{ km}^2$ .

Sehingga 20 Oktober 2015, operasi pencarian laut dalam telah dilaksanakan dalam kawasan pencarian yang merangkumi kawasan seluas  $70,365 \text{ km persegi}$ .

**SOALAN ( 29 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2015  
[ ISNIN ]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN HAJI  
AHMAD  
[ MERSING ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN HAJI AHMAD [ MERSING ]  
minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam  
membendung kegiatan kontraktor binaan yang melakukan kerja-kerja  
pengubahsuaian yang berbeza daripada pelan asal yang telah diluluskan  
dan nyatakan setakat ini jumlah syarikat kontraktor yang telah didakwa di  
mahkamah atas kesalahan itu.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerja-kerja ubahsuai ke atas sesbuah bangunan yang telah siap samaada untuk diduduki atau tidak adalah dibenarkan selaras Undang-Undang Kecil 18, di bawah Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984), tertakluk mematuhi prosedur yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pelan-pelan kerja ubahsuai hendaklah disedia dan dikemukakan oleh Individu-Individu yang berkelayakan (*Principal Submitting Person – PSP*) samada Arkitek Profesional, Jurutera Profesional atau Pelukis Pelan Berdaftar untuk kelulusan PBT. Individu-individu yang berkelayakan inilah yang akan mengeluarkan Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance – CCC*). Golongan profesional ini juga akan memastikan pihak kontraktor berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (*Construction Industry Development Board – CIDB*) dan melaksanakan kerja mematuhi pelan-pelan yang telah diluluskan.

Bagi kes-kes di mana kerja-kerja pembinaan dilaksanakan bercanggah dengan pelan yang telah diluluskan, pihak PBT boleh mengambil tindakan ke atas individu-individu yang sepatutnya memantau kerja binaan di tapak, sementara pihak CIDB boleh terus mengambil tindakan terhadap kontraktor terbabit.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2015